



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN FUNGSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG
(JKKK) DALAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:
SATU KAJIAN KES**

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

FBMK 2003 7

**KEBERKESANAN FUNGSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG
(JKKK) DALAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:
SATU KAJIAN KES**

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2003



**KEBERKESANAN FUNGSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG
(JKKK) DALAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR: SATU KAJIAN KES**

Oleh

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan
Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2003



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

**KEBERKESANAN FUNGSI JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN
KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) DALAM PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR: SATU KAJIAN KES**

Oleh

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

Februari 2003

Pengerusi: Profesor Madya Dr.Hj. Md.Salleh Hj. Hassan
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau ringkasnya JKKK adalah sebuah institusi kepimpinan di peringkat kampung yang diwujudkan ketika pemerintah negara ini berusaha gigih untuk membangunkan sektor luar bandar. Penubuhan JKKK adalah untuk mewujudkan ruang dan memberikan peluang kepada pihak rakyat melibatkan diri dalam proses pembangunan di peringkat kampung. JKKK adalah badan yang bertindak sebagai agen perubahan dan penghubung penting antara pihak kerajaan dan penduduk kampung. Kajian ini dijalankan ke atas sebuah JKKK yang dianggap berupaya di sebuah kampung tradisional dalam daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. Kajian kes ini bertujuan mengkaji keberkesanan fungsi JKKK dalam proses pembangunan luar bandar. Sumbangan kajian kes ini adalah untuk mengemukakan huraian objektif berhubung keupayaan dan kepentingannya dalam proses pembangunan luar bandar. Justeru, kajian ini meninjau penglibatan institusi JKKK di dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang telah digariskan. Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temubual, pemerhatian ikut serta, dan

analisis dokumen sebagai instrumen untuk mengumpul dan merekodkan data. Penemuan kajian kes ini menunjukkan bahawa penduduk kampung ini telah menikmati faedah daripada kemudahan asas dan perkhidmatan pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kepimpinan JKKK di kampung ini turut membantu di dalam mengembangkan peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan sumber-sumber tempatan yang ada untuk faedah penduduk. Penglibatan penduduk setempat di dalam aktiviti kemasyarakatan dan ekonomi dijana oleh kepimpinan JKKK melalui proses komunikasi yang berkesan. Proses komunikasi yang berkesan yang diamalkan oleh kepimpinan JKKK kampung ini membolehkannya bertindak selaku agen perubahan di peringkat akar umbi untuk berfungsi sebagai perantara dalam proses perkongsian maklumat antara pihak kerajaan dan penduduk kampung, sebagai pemangkin, pembangunan, dan pentadbir kampung yang berjaya mengukuhkan permuafakatan di kalangan penduduk dan mewujudkan suasana kerjasama yang harmoni dengan pihak kerajaan. Penemuan kajian kes ini memberikan satu bukti bahawa JKKK yang berupaya dan berfungsi boleh memenuhi hasrat untuk membantu membawakan perubahan di kampung selaras dengan kedudukannya di dalam pasukan pembangunan. Berdasarkan kajian kes ini, disimpulkan bahawa institusi JKKK diperlukan dan masih relevan di dalam konteks pembangunan luar bandar.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECTIVENESS OF A VILLAGE DEVELOPMENT
AND SECURITY COMMITTEE IN RURAL DEVELOPMENT:
A CASE STUDY**

By

MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

February 2003

Chairman: Associate Professor Dr. Hj.Md.Salleh Hj. Hassan
Faculty : Modern Languages and Communication

A Village Development and Security Committee or in brief, VDSC is a local leadership institution formed at the village level. VDSC was established by the government to assist in the development of rural areas. The process of developing the rural areas required an active participation and integrated cooperation between the government and the villagers. VDSC was expected to generate participation from both sides in the rural development through the process of communication and interaction. This was a case study of the effectiveness of VDSC that was regarded as a successful in a traditional village in the district of Sepang, Selangor. The main objective of this study was to examine the effectiveness of the VDSC in rural development. The findings will contribute toward an objective understanding of the capability and importance of the VDSC in rural development. Thus, this study examined the participation of that particular VDSC in fulfilling the stated functions and responsibilities. This case study utilized qualitative approach by using interviews, participant observation, and document analysis as research instruments in data gathering and recording. The findings from this case study show that the villagers



have benefited from the basic amenities provided and the extension service rendered by the government. The VDSC's leadership played an important function in the development of the village by encouraging the villagers to fully utilize opportunities planned by the government with the local resources. The village development and security committee practises effective communication to motivate the villagers involvement in the social and economic activities planned by them. The effective communication employed enable them to act as an effective local change agent with various functions such as mediator in information sharing between the government and the villagers, catalyst of development, and successful village administrator. Thus, this scenario has strengthened solidarity among the villagers and created conducive cooperation with the government. The findings from this particular case study proved that an able and functional VDSC has the capacity to create change at the village level. This study concludes that VDSC is still relevant for rural development.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya memanjangkan rasa syukur kepada Allah (S.W.T.) kerana telah memberikan segala kekuatan dari segi mental, fizikal, dan keimanan untuk menyempurnakan disertasi ini.

Saya juga terhutang budi kepada banyak pihak dan individu sepanjang proses pengajian program doktor falsafah di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pertama, saya ingin merakamkan jutaan terimakasih kepada bekas Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Dr. Hj. Sulaiman Mohd Yassin yang telah banyak membantu di peringkat awal kajian ini dan seterusnya menjadi pemeriksa luar tesis ini.

Kedua, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Madya Dr. Hj. Md. Salleh Hj. Hassan yang sudi menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan seterusnya menunjukkan komitmen intelektual yang tinggi di dalam membimbing saya untuk menjalankan kajian dan menyempurnakan disertasi ini.

Saya menyanjung tinggi sikap beliau yang amat memahami, bertimbangrasa, tegas, dan prihatin sepanjang proses penyeliaan ini. Jutaan terimakasih juga dirakamkan kepada jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Hj. Zahid Emby dan Dr. Bahaman Abu Samah yang turut banyak menyumbang idea, komen, dan pandangan bernas kepada kajian ini. Saya amat menghargai bimbingan daripada Dr. Hj. Zahid Emby yang tidak jemu-jemu

meneliti hasil kerja ini di setiap peringkat.

Seterusnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan semasa pengajian iaitu Faridah, Omar, Lee, Azmi, dan lain-lain yang menjadi sumber inspirasi untuk saya terus berusaha menyempurnakan disertasi ini. Teman sejawatan di Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Lat, Mus, Fonz, Raja, Sam, Kak Mah, Ji, Azul, Safar, Siti, dan Asmawati adalah individu yang banyak memberi galakan jujur sepanjang tempoh saya menyempurnakan program pengajian ini. Terima kasih atas segala galakan itu. Terimakasih juga diucapkan kepada Ita, Zie, dan Kak Bik yang telah membantu di dalam kerja-kerja menaip.

Saya juga bersyukur kepada Allah (S.W.T.) yang telah memberi kekuatan kepada anak saya, Luqman yang begitu bersabar dan memahami erti kehidupan dengan ayahnya yang memainkan pelbagai peranan. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh ahli keluarga saya yang terus memberikan sokongan moral, kasih sayang, dan panduan kehidupan selama ini.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mohd Yusof Hj. Abdullah telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 21hb. Februari 2003 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Keberkesanan Fungsi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam Pembangunan Luar Bandar: Satu Kajian Kes” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:


Narimah Ismail, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Md. Salleh Hj. Hassan, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zahid Emby, Ph.D.
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bahaman Abu Samah, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Dato' Sulaiman Md. Yassin, Ph.D.
Profesor/Timbangan Rektor
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(Pemeriksa Bebas)


.....
← **SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.**
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 18 JUL 2003

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Md. Salleh Hj. Hassan, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zahid Emby, Ph.D.

Fakulti Ekolohi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bahaman Abu Samah, Ph.D.

Fakulti Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)




.....
AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 AUG 2003

PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia ataupun Institusi Pengajian Tinggi yang lain.



.....
MOHD YUSOF HJ. ABDULLAH

Tarikh: 18 Julai 03

ISI KANDUNGAN

Halaman

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Pengenalan.....	1
Perancangan Pembangunan Negara.....	5
Senario Pembangunan Luar Bandar.....	9
Pernyataan Masalah.....	18
Objektif Umum.....	23
Objektif Khusus.....	23
Signifikan Kajian.....	24

2 SOROTAN LITERATUR

Pengenalan.....	26
Konsep Penglibatan dan Pemencaran.....	26
Mekanisma Penglibatan Di dalam Proses Pemencaran.....	31
Sejarah Penubuhan dan Perkembangan JKJK.....	45
Fungsi dan Sumbangan JKJK Dalam Pembangunan Luar Bandar..	50
Pendekatan Kualitatif Dalam Kajian Pembangunan Luar Bandar....	56
Kerangka Konsep Penyelidikan.....	58
Kesimpulan.....	59

3 METODOLOGI

Pengenalan.....	61
Teknik Pengumpulan Data.....	61
Temu bual.....	62
Pemerhatian Ikut Serta.....	66
Bahan Dokumen.....	68
Lokasi Kajian.....	70
Persampelan.....	70
Kerja Lapangan.....	73
Proses Mengenal Penduduk dan Tinjauan Kampung.....	74
Proses Menemu bual Subjek Kajian di Lapangan.....	77



Proses Analisis Data.....	79
Kebolehpercayaan dan Kesahan.....	81
4 PENEMUAN KAJIAN: PERSEKITARAN SOSIAL KAMPUNG SRI CENGKEH	
Pengenalan.....	85
Sejarah Awal. Kampung Sri Cengkeh	85
Nama Asal Kampung	88
Dari Tanah Teroka ke Kampung Tradisional.....	89
Masyarakat Setempat Kampung Sri Cengkeh.....	91
Saiz Penduduk	93
Taraf Pendidikan	94
Aktiviti Kemasyarakatan.....	98
Aktiviti Ekonomi.....	103
Organisasi Formal dan Sosial.....	111
Kesimpulan.....	121
5 PENEMUAN KAJIAN: JKKK DAN PEMBANGUNAN DI KAMPUNG SRI CENGKEH	
Pengenalan.....	123
JKKK Kampung Sri Cengkeh: Penubuhan dan Perkembangan.....	128
Fungsi JKKK Kampung Sri Cengkeh.....	134
Bidang Tugas dan Aktiviti JKKK.....	153
Kaedah Komunikasi.....	155
Kekuatan dan Kelemahan JKKK Kg. Sri Cengkeh.....	160
Kesimpulan.....	169
6 RUMUSAN DAN PENUTUP	
Pengenalan.....	172
Rumusan Keupayaan JKKK Kampung Sri Cengkeh.....	173
Implikasi dan Cadangan.....	180
Cadangan Kajian Akan Datang.....	184
BIBLIOGRAFI.....	186
LAMPIRAN	
Panduan soalselidik untuk tinjauan di lapangan.....	191
Panduan untuk pemerhatian.....	195
Panduan soalan untuk temu bual.....	196
BIODATA	

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Kadar Kemiskinan di Malaysia	5
2	Bilangan Penduduk Mengikut Umur dan Jantina.....	70
3	Peratusan Bilangan Anak.....	71
4	Peringkat Pendidikan Anak-anak.....	72
5	Carta Organisasi JKKK Kampung Sri Cengkeh.....	116

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Kerangka Konsep Penyelidikan.....	59



SENARAI SINGKATAN

DDP	Draft Development Plan
DEB	Dasar Ekonomi Baru
JKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KPLB	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar
KPW	Kumpulan Pengembangan Wanita
PIBG	Persatuan Ibumama dan Guru
UMNO	United Malay National Organization



BAB I

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Pengenalan

Proses pembangunan di negara ini adalah bercirikan perancangan pusat. Ini bermakna kerajaan memainkan peranan utama untuk merancang dan melaksanakan rancangan dan program yang dikenalpasti dapat mengatasi masalah kemunduran seperti pertumbuhan ekonomi yang rendah, pendapatan yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, mutu kesihatan yang rendah, kekurangan infrastruktur, buta huruf, dan masalah sosial lain. Keseluruhan jentera kerajaan digerakkan untuk berfungsi sebagai agen perancang dan pelaksana rancangan pembangunan.

Perancangan pusat yang diamalkan ini, walau bagaimanapun tidaklah menghadkan peranan penerima faedah usaha pembangunan itu sebagai penerima pasif. Kerajaan menyedari bahawa penglibatan mereka itu (seperti penduduk kampung) adalah diperlukan untuk sama-sama berusaha dan menjayakan hasrat membangunkan negara (Abdullah Satar, 1979). Penglibatan aktif penduduk kampung adalah untuk mengintegrasikan mereka ke dalam arus pembangunan negara.

Dalam konteks pembangunan luar bandar di Malaysia ini, penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dilihat sebagai satu tindakan dasar untuk mengajak penglibatan penduduk kampung di dalam proses pembangunan. JKKK ini diarahkan penubuhannya serentak dengan pelancaran Rancangan Malaya Kedua (1961-65) pada 4 September 1961 (Berita Harian, 5 September 1961, 1 dan 8). Di dalam Rancangan Malaya Kedua inilah juga peringkat kedua pembangunan luar bandar dilancarkan dengan menumpukan kepada pembangunan manusia iaitu penghuni di luar bandar dan keluarga mereka. Peringkat pertama pembangunan luar bandar telah dilancarkan pada tahun 1959 dengan menumpukan kepada pembangunan infrastruktur negara. Dalam peringkat pertama pembangunan ini, penglibatan penduduk kampung kurang dititikberatkan kerana ianya lebih melibatkan usaha di pihak kerajaan untuk mengadakan kemudahan asas. Tujuan peringkat kedua pembangunan luar bandar ini adalah seperti berikut,

1. Menghidupkan semula semangat gotong royong
2. Menggerakkan rakyat berusaha memenuhi keperluan mereka melalui usaha dan sumber sendiri.
3. Menggalak rakyat mengadakan dan meluaskan lagi penggunaan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.
4. Menggalakkan penglibatan aktif rakyat dalam proses pembangunan.

(Sumber: Berita Harian, 5 September 1961, halaman 1 dan 8)

Semasa mula ditubuhkan, jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan Kampung atau ringkasnya JKK. Kemudian, pada tahun 1975, namanya ditukar menjadi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK sebagai tambahan tugas untuk menjaga keselamatan dan keamanan kampung dari

ancaman anasir jahat (Hassan Abdullah, 1977). Justeru, JKKK adalah mekanisma yang dikenalpasti untuk membantu mencapai tujuan tersebut di peringkat akar umbi untuk menjana penglibatan penduduk kampung dalam rancangan pembangunan setempat dan seterusnya menyuarakan hasrat, keperluan, dan masalah tempatan yang tidak dapat diselesaikan sendiri ke peringkat yang lebih atas supaya dapat diketengahkan dan diambil tindakan (Zaludin, 1979). Tegasnya, kerajaan inginkan penduduk kampung melalui JKKK bersama-sama berusaha demi mewujudkan semangat kekampungan iaitu satu usaha ke arah “kejuruteraan sosial” tempatan (Shamsul, 1988).

Kemasukan JKKK ke dalam pasukan pembangunan negara melambangkan komitmen kerajaan untuk menggembleng secara positif tenaga dan sumber rakyat sendiri dalam proses pembangunan. Langkah ini berasaskan andaian bahawa usaha pembangunan tidak akan mencapai matlamat sepenuhnya tanpa penglibatan aktif dan positif rakyat. Kerjasama kerajaan dan rakyat perlu disatukan dalam menangani masalah kemunduran dan kurang pembangunan di luar bandar.

Penglibatan bersama kedua-dua belah pihak ini merupakan satu pendekatan yang dikenali sebagai pembangunan komuniti atau masyarakat. Konsep pembangunan komuniti ini merujuk kepada proses sosial yang melibatkan usaha kerajaan dan rakyat untuk bersama-sama memperbaiki keadaan hidup komuniti itu dari segi ekonomi, sosial, dan budaya, untuk mengintegrasikan kedudukan komuniti ke dalam negara dan untuk membolehkan komuniti menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan negara (INTAN, 1983).

Penubuhan JKKK sebagai sebahagian daripada jentera pembangunan di luar bandar ini ada kaitan juga dengan andaian bahawa pencapaian matlamat pembangunan berkait rapat dengan organisasi yang produktif dan berfungsi. Organisasi yang dipimpin dan didokong oleh penduduk kampung sendiri berpotensi dan berkeupayaan untuk memobilisasikan sumber yang diperlukan untuk pembangunan (Ness, 1967), untuk menarik penglibatan aktif dan menyeluruh penduduk kampung (Oakley and Marsden, 1985), menjadi penghubung penting birokrasi kerajaan dan rakyat (Chee and Khong, 1978) dan bertindak sebagai agen perubahan di peringkat tempatan.

Ruanglingkup peranan dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan ini mungkin tidak dapat dipenuhi jika anggota JKKK yang dilantik itu tidak dinamik, mengutamakan kepentingan diri, tidak jujur, kurang iltizam, kurang pengetahuan, dan tidak bekerjasama sesama mereka dan dengan organisasi lain. Keadaan-keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan dan kemampuan JKKK untuk menjadi sebagai badan penggerak penting pembangunan kampung.

Kajian ini adalah tentang keberkesanan fungsi organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Ia cuba menyingkap persoalan berkaitan kemampuan atau keupayaan JKKK sebagai perantara dan pemangkin dalam konteks pembangunan kampung, kaedah komunikasi yang diamalkan, dan kekuatan dan kelemahan JKKK di kampung kajian. Matlamat akhir kajian ini adalah ingin menyumbang input saintifik berkaitan JKKK yang berupaya untuk pembangunan luar bandar.

Perancangan Pembangunan Negara

Pada keseluruhannya, kemajuan yang dicapai setakat ini hasil daripada usaha-usaha pembangunan negara boleh dibanggakan. Masalah kemiskinan yang menjadi fokus utama semua rancangan pembangunan negara telah dapat dikurangkan sedikit demi sedikit. Perangkaan rasmi di dalam jadual 1 ini memperlihatkan penurunan kadar kemiskinan negara dan antara sektor bandar dan luar bandar yang agak ketara.

Jadual 1: Kadar Kemiskinan Di Malaysia

Tahun	Peratus Kadar Kemiskinan		
	Negara	Bandar	Luar Bandar
1970	49.3	14.0	86.0
1976	37.7	12.4	45.7
1980	29.2	10.7	29.2
1985	20.7	8.5	27.3
1990	17.1	7.5	21.8
1995	11.1	4.2	16.8

Sumber : Rancangan Malaysia Ketiga 1976-80, Rancangan Malaysia Empat 1981-1985, Rancangan Malaysia Lima 1986-1990, Rancangan Malaysia Enam 1991-1995.

Kemajuan yang dicapai di dalam usaha membasmi masalah kemiskinan adalah berkait rapat dengan usaha terancang yang dilaksanakan melalui rancangan pembangunan lima tahun negara.

Pembangunan secara berancang ini dianggap sebagai satu usaha yang sistematik yang boleh membantu menangani masalah besar negara iaitu

kemunduran dan kemiskinan rakyatnya. Rancangan pembangunan negara mengandungi komponen utama seperti dasar, matlamat dan strategi yang memperlihatkan aspek-aspek keutamaan, arah, dan iltizam kerajaan untuk membangunkan negara.

Usaha merancang pembangunan negara secara sistematik bermula dengan siapnya suatu rancangan dipanggil "*Draft Development Plan*" (DDP) 1950-55. DDP ini merangkakan dasar pembangunan ekonomi dan sosial sepanjang tempoh tersebut yang bertujuan untuk memenuhi kebajikan, kesejahteraan dan mutu hidup rakyat yang lebih baik (*Draft Development Plan*, 1950). Namun begitu dasar dan strategi pembangunan yang digariskan di dalam DDP ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ancaman kegiatan subversif komunis. Justeru itu, DDP ini dianggap sebagai suatu usaha awal pihak kolonial untuk menunjukkan kesungguhan membangunkan koloninya ini.

Perancangan sebenar pembangunan negara dikatakan bermula dengan pelancaran Rancangan Malaya Pertama 1956-60 (Shamsul, 1989; Rudner, 1975). Rancangan Malaya Pertama ini menumpukan kepada usaha untuk mengadakan asas-asas pembangunan iaitu kemudahan prasarana seperti jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, kemudahan awam seperti sekolah, pusat-pusat kesihatan, balai polis, pejabat kerajaan dan pemodenan di dalam sektor sumber ekonomi negara seperti getah dan bijih timah. Penyediaan asas-asas pembangunan atau apa yang dipanggil oleh Shamsul (1988) sebagai "*development cover crop*" ini adalah strategi politik pembangunan kerajaan untuk membuktikan kesungguhan, keupayaan dan keikhlasan mereka membela nasib rakyat. Hal ini jelas daripada kenyataan Allahyarham Tun Razak,

“Dalam melaksanakan rancangan peringkat pertama itu, adalah menjadi tujuan kerajaan untuk “menyedarkan ra’ayat bahawa kerajaan yang telah mereka pilih itu tidak akan melupakan mereka, keperluan-keperluan, harapan dan chita-chita mereka.”

(Berita Harian 6hb. September 1961, halaman 8)

Walaupun kerajaan kolonial dan kemudian kerajaan sendiri Malaya (selepas merdeka dalam tahun 1957) berusaha bersungguh-sungguh dan berjaya melaksanakan beberapa projek prasarana, namun ancaman komunis masih merencatkan perlaksanaan sepenuhnya projek di dalam tempoh Rancangan Malaya Pertama itu.

Era pembangunan negara seterusnya memperlihatkan usaha yang lebih giat dan hebat selepas merdeka dan tamatnya keadaan darurat dalam tahun 1960. Rancangan Lima Tahun Pembangunan negara dipikul sepenuhnya oleh anak tempatan. Proses perancangan masih lagi berorientasikan perancangan pusat dengan perubahan kepada pendekatan untuk melibatkan penyertaan aktif rakyat bersama-sama menggembleng tenaga membangunkan negara. Di dalam tempoh Rancangan Malaya Kedua inilah Jawatankuasa Kemajuan Kampung diwujudkan sebagai satu daripada strategi untuk melibatkan rakyat di dalam proses pembangunan negara.

Laporan di dalam *Interim Review of Development in Malaya Under The Second Five-Year Plan* (1964, 2-3) menyebut bahawa Rancangan Malaya Kedua 1961-65 ini lebih “ambitious” dengan jumlah peruntukan yang lebih besar sebanyak RM5,050 juta, penubuhan beberapa organisasi baru seperti Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Statistik, dan pengenalan teknik baru seperti Bilik Gerakan Negara.

Dasar pembangunan luar bandar juga menjadi agenda utama di dalam Rancangan Malaya kedua ini.

Selepas pembentukan Malaysia, dalam tahun 1963 proses pembangunan negara berhadapan dengan cabaran untuk mengatasi sama masalah kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Keadaan kemiskinan di negeri-negeri ini lebih serius dan memerlukan kos yang lebih tinggi. Justeru, objektif utama Rancangan Malaysia Pertama 1966-70 masih lagi kepada soal pembasmian kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi (King dan Nazaruddin, 1992).

Perancangan pembangunan negara menghadapi satu lagi cabaran getir apabila tercetusnya pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969. Dasar pembangunan negara digubal semula untuk memperbetulkan kepincangan ekonomi di kalangan orang Melayu dan isu pengenalan kaum melalui aktiviti ekonomi. Rancangan Malaysia Kedua 1971-75 memperlihatkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga tahun 1990 dengan objektif popular serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. DEB merupakan satu usaha yang dianggap cuba untuk mengubah struktur masyarakat bagi mengatasi masalah pergeseran antara kaum. Malahan tokoh ekonomi tempatan seperti Prof. DiRaja Ungku Aziz menyifatkan usaha-usaha pembangunan selepas pelaksanaan DEB lebih berkesan dan berjaya berbanding sebelum tahun 1969 (Temuramah dengan beliau pada 30hb. November 1994).

DEB dilaksanakan sehingga ke tahun 1990 apabila tamat tempoh Rancangan Malaysia Kelima 1986-90. Namun begitu, objektif serampang dua mata masih lagi menjadi teras kepada Rancangan Pembangunan Lima Tahun